

LAND LAW AND SURVEY REGULATION (SBEU 4313)

WEEK 15 – PERATURAN UKUR KADASTRAL (AMALAN PEJABAT)

Sr DR. TAN LIAT CHOON

07-5543157

016-4975551

ISI KANDUNGAN

- Amalan Pejabat

AMALAN PEJABAT

Pelan Yang Dideposit

❑ Seksyen 410 Kanun Tanah Negara (Akta 828) memperuntukkan bentuk pelan yang dideposit iaitu satu pelan tanah hendaklah merupakan satu pelan yang didepositkan jika ianya diperakui oleh Pengarah Ukur Dan Pemetaan Negeri sebagai satu pelan yang sah dan betul bagi tanah itu, dikenal dengan nombor rujukan yang diperuntukkan kepadanya oleh Pengarah Ukur Dan Pemetaan Negeri ditarikhkan dan disimpan di JUPEM Negeri.

❑ Mengikut Seksyen 14 Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458), Setelah kos ukur dicarumkan kepada Lembaga dan nombor lot dipohon oleh juruukur tanah berlesen daripada, akan mengeluarkan nombor lot selepas mengesahkan bahawa bayaran tersebut telah didepositkan dengan Lembaga.

Pelan Yang Dideposit

Setelah selesai ukuran hakmilik, pelan ukur (cth: pelan akui) hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan, juruukur tanah berlesen yang menandatangani pelan ukur (cth: pelan akui) hendaklah mendepositkan pelan ukur (cth: pelan akui) itu bersama-sama dengan buku kerjaluar, syit pengiraan dan data ukuran (dalam bentuk digital) kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam peraturan. Semua dokumen hendaklah, jika pelan itu diluluskan oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan atau pegawai lain yang dilantik olehnya untuk meluluskan bagi pihaknya, menjadi harta Kerajaan dan hendaklah difailkan sebagai rekod ukuran kekal.

Pelan Yang Dideposit

Sekiranya kerja tidak disempurnakan dalam tempoh masa yang ditatpkan dalam peraturan, Lembaga juga boleh mengarahkan supaya kerja tersebut dilaksanakan oleh pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia atau juruukur tanah berlesen yang lain dan upah ukur dibayar mengikut Seksyen 28 Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011.

Pelan Yang Dideposit

Petikan Seksyen 411 Kanun Tanah Negara (Akta 828) : Perihal mengenai tanah dengan rujukan kepada pelan yang dideposit:

- 1) Jika sekiranya:
 - a) mana-mana tanah hendak dikenal dalam sesuatu undang-undang bertulis atau dalam mana-mana instrumen, notis atau dokumen lain yang disiarkan atau dibuat di bawah, menurut atau bagi maksud suatu undang-undang bertulis; dan
 - b) wujud suatu pelan yang didepositkan mengenai tanah itu, maka adalah mencukupi jika tanah itu dikenal dalam undang-undang, instrumen, notis atau dokumen dengan rujukan kepada pelan itu.

Pelan Yang Dideposit

- 2) Jika sekiranya menurut subseksyen (1) tanah dikenal dengan rujukan kepada suatu pelan yang dideposit, maka Menteri (atau seorang pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri untuk bertindak bagi pihaknya bagi maksud-maksud subseksyen ini) bolehlah mengarahkan supaya sekian banyak salinan pelan itu yang difikirkannya wajar hendaklah diedarkan kepada:
 - a) Pejabat Tanah daerah di mana tanah itu terletak;
 - b) Pejabat pendaftaran pusat hakmilik kepada tanah dalam Negeri itu; dan
 - c) mana-mana pegawai dan pihak berkuasa seperti yang dinyatakan dalam arahan itu.

Pelan Yang Dideposit

- ❑ Petikan Seksyen 412 Kanun Tanah Negara (Akta 828) : Salinan pelan-pelan yang dideposit.

- ❑ Bagi maksud-maksud Bab ini, tiap-tiap salinan pelan yang didepositkan hendaklah:
 - a) dikeluarkan secara fotografi, foto-litografi atau apa-apa proses mekanis atau proses-proses lain yang dengan sendirinya memastikan ketepatan salinan itu;
 - b) dibuat oleh atau bagi pihak Pengarah Ukur dan Pemetaan yang di pejabatnya pelan itu didepositkan; dan
 - c) diperakui oleh atau bagi pihaknya sebagai suatu salinan sah dan betul dari yang asal.

Pelan Yang Dideposit

□ Dalam prosiding-prosiding di sisi undang-undang, apa-apa dokumen yang berupa sebagai pelan yang didepositkan atau salinan pelan yang dideposit:

- a) hendaklah dianggap sehingga sebaliknya dibuktikan, sebagai merupakan apa yang ia berupa; dan
- b) sementara ia dianggap demikian, hendaklah diterima dalam keterangan tanpa bukti lanjut sebagai suatu pelan yang sah dan betul bagi tanah yang kepadanya ia merujuk.

Pelan Permintaan Ukur

Pelan Permintaan Ukur adalah pelan asas yang disertakan bersama-sama dengan Permohonan Ukur kepada JUPEM Negeri untuk memulakan kerja-kerja menyediakan surihan kerjaluar untuk kegunaan pegawai ukur. Ia perlu menunjukkan butir-butir lot yang hendak diukur serta lain-lain keterangan yang berkaitan. Butir-butir yang terdapat pada Pelan Permohonan Ukur adalah Daerah/Mukim/Bandar, skala yang digunakan, Nombor Syit Piawai, Pelan Lokasi, Rajah lot yang hendak diukur, jarak simpanan-simpanan rizab sama ada sungai, jalan dan sebagainya, kedudukan tanda-tanda sempadan lama yang dijumpai serta keadaannya, nombor lot sebelah jika ada, keluasan, bering dan jarak.

Pelan Permintaan Ukur

❑ PU adalah satu borang permohonan yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah kepada JUPEM untuk menjalankan ukuran halus seperti mana yang diperlukan dibawah Seksyen 79(1) dan 83 Kanun Tanah Negara (Akta 828).

❑ Petikan Seksyen 79(1) Kanun Tanah Negara (Akta 828) :

”Apabila mana – mana kelulusan Pihak Berkuasa Negeri mengenai pemberimilikan tanah di bawah Akta ini dikaitkan kepada tanah (di bawah seksyen kecil (2) seksyen 77) dikehendaki diukur sebelum ianya boleh dipegang di bawah hakmilik muktamad, ia hendaklah diberi dengan merujuk kepada satu pelan dan huraian yang mencukupi untuk membolehkan tanah itu dan sempadan-sempadannya dikenalkan dan ditentukan buat sementara menanti pengukuran”

Pelan Permintaan Ukur

Terdapat enam jenis Permohonan Ukur iaitu Berimilik Tanah Kerajaan, Pecahan Lot/Bangunan-Bangunan, Cantuman Lot/Bahagian dan terus dipecah, Penyerahan Sebahagian dan lot, Penyerahan lot-lot dan berimilik semula bahagian-bahagian, Pengambilan sebahagian lot-lot dan Ukuran Semula lot.

Pelan Permintaan Ukur

PU bagi tanah-tanah yang diluluskan hendaklah disediakan serentak dengan pengeluaran Hakmilik Sementara. Jurusurih hendaklah menyediakan sekaligus bilangan pelan yang secukupnya bagi tujuan Permohonan Ukur dan Hakmilik Sementara. Butiran-butiran berikut hendaklah dipenuhi:

- i. Tujuan PU dan jenis hakmilik,
- ii. Keluasan tanah, arah (bearing), jarak dan ikatan sempadan tanah yang hendak diukur,
- iii. Nama, alamat dan nombor kad pengenalan tuan tanah,
- iv. Petikan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, jika diperlukan,
- v. Pengesahan bayaran ukur, dan
- vi. Kedudukan rizab sungai, jalan, bangunan dan ciri-ciri fizikal yang lain.

Pelan Permintaan Ukur

Semua Permohonan Ukur yang dikembalikan oleh JUPEM dengan kuiri hendaklah terus disampaikan kepada Ketua Pegawai Petempatan melalui Kerani Rekod supaya tindakan segera dapat diambil. Jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan tersebut hendaklah diselesaikan dan Permohonan Ukur itu hendaklah dihantar semula kepada JUPEM dalam tempoh satu bulan.

Pelan Permintaan Ukur

Pejabat Tanah Daerah hendaklah meminta JUPEM menyenaraikan berasingan bagi Permohonan Ukur yang terlibat dengan perbezaan ukur di bawah seksyen 83(3) Kanun Tanah Negara (Akta 828). Rujukan Pengarah Ukur kepada Pihak Berkuasa Negeri juga hendaklah dikemukakan serentak. Bagi sebahagian tanah yang terlibat dengan pengambilan tanah, maka satu Permohonan Ukur berasingan bagi lot-lot yang berkenaan perlu disediakan secara serentak. Bagi kes-kes di mana Permohonan Ukur telah dibuat terdahulu padanya, maka Permohonan Ukur asal hendaklah dirujuk kepada JUPEM.

Pelan Permintaan Ukur

Selain Permohonan Ukur yang diterima daripada Pejabat Tanah Daerah dan Pejabat Tanah dan Galian, JUPEM juga menerima permohonan-permohonan untuk menjalankan ukuran daripada FELDA dan JKPTG.

Pendaftaran Dan Pengurusan Fail Ukur

Setiap Permohonan Ukur (PU) yang diterima perlu didaftarkan ke dalam sistem mengikut kategori seperti Ukuran Hakmilik Tanah, Hakmilik Strata, Pewartaan dan *Multi Purpose*. Data-data ini disimpan ke dalam Pangkalan Data Pendaftaran Ukur. Ini akan membolehkan fail-fail tersebut diselia dan dipantau pergerakannya.

Pendaftaran Fail Ukur Hakmilik Tanah Jabatan, Pewartaan Dan *Multi Purpose*

- i. Tindakan pendaftaran fail bermula apabila Permohonan Ukur Hakmilik Tanah (PU), Permohonan Ukur Warta (PUW) dan Permohonan Ukur *Multi Purpose* (PUMP) diterima dari Pejabat Tanah atau Agensi - Agensi Berkaitan Tanah (ABT). Sistem pendaftaran ini juga berkemampuan untuk memaparkan data spatial pendaftaran dan pergerakan fail.
- ii. Sistem pendaftaran boleh menerima Permohonan Ukur secara hardcopy ataupun Permohonan Ukur berdigit.

Pendaftaran Fail Ukur Hakmilik Tanah Jabatan, Pewartaan Dan *Multi Purpose*

- iii. Permohonan Ukur secara hardcopy:
 - a) Permohonan Ukur yang diterima perlu disemak dan diimbis sebelum fail kerja dibuka.
 - b) Timbalan Pengarah Ukur (TPU) membuat pengesahan dan mendaftarkan fail kerja yang dibuka.
 - c) Sistem akan menjana nombor fail ukur secara automatik. Maklumat yang perlu dimasukkan ke dalam Pangkalan Data Daftar Fail Ukur.
 - d) Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari Permohonan Ukur, sistem akan menjana nombor lot berdasarkan jumlah nombor Pejabat Tanah atau *parcel*.
 - e) Semua dokumen hendaklah diimbis mengikut permohonan ukur dan disimpan dalam Pangkalan Data Pengurusan Dokumen merujuk kepada nombor fail kerja yang didaftarkan.

Pendaftaran Fail Ukur Hakmilik Tanah Jabatan, Pewartaan Dan *Multi Purpose*

iv. Permohonan Ukur Berdigit:

- a) PU berdigit yang diterima dari Pejabat Tanah dalam bentuk berdigit (PU ASCII) di mana mengandungi tiga fail PU ASCII;
- *.pul – berkaitan dengan maklumat parcel seperti keluasan.
 - *.pub – berkaitan dengan maklumat garisan sempadan.
 - *.pud – berkaitan dengan maklumat sokongan seperti jenis guna tanah, nama dan alamat pemohon dll.

Pendaftaran Fail Ukur Hakmilik Tanah Jabatan, Pewartaan Dan *Multi Purpose*

b) Di samping Permohonan Ukur ASCII yang diterima, lampiran-lampiran yang berkaitan dengan permohonan tanah akan disertakan bersama dengan fail Permohonan Ukur berdigit. Di antara lampiran tersebut adalah:

- Surat Kelulusan *.TIF
- Surat Pejabat Tanah *.TIF
- Sijil Pengecualian Bayaran *.TIF
- Pelbagai dokumen-dokumen yang berkaitan dengan permohonan tanah.

Pendaftaran Fail Ukur Hakmilik Tanah Jabatan, Pewartaan Dan *Multi Purpose*

- c) Semua dokumen dan Permohonan Ukur Berdigit hendaklah ditandatangani secara berdigit oleh PTG/PTD.
- d) Maklumat daripada *.pul, *.pud dan *.pub akan dimasukkan ke dalam Pangkalan Data Daftar Fail Ukur.
- v. Penambahan atau pengurangan nombor lot adalah tidak dibenarkan selepas fail tersebut didaftarkan. TPU akan meluluskan pengeluaran nombor lot bagi setiap fail ukur. Jika perlu pengurangan dan penambahan nombor lot, fail baru perlu didaftarkan.

Pelan Pra-Hitungan

Pelan pra-hitungan ditakrifkan di bawah Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (Akta 828), sebagai pelan pra-pengiraan ertinya suatu pelan susunan atur lot-lot yang menunjukkan sempadan-sempadan baru yang dicadangkan dan kawasan-kawasan lot-lot itu yang berasaskan atas pengiraan dari data ukur yang ada dan data relevan yang lain, di mana salah tutup pengiraan linear adalah tidak kurang dari sebahagian dalam lapan ribu;

Pelan Pra-Hitungan

Tikaian linear yang disebutkan dalam takrif di atas hendaklah ditafsirkan sebagai keperluan tikaian linear yang paling minimum bagi urusan penyediaan tatatur lot atau lot-lot yang dicadangkan melalui pelan pra-hitungan tersebut. Sehubungan dengan itu, dalam keadaan tikaian linear lot asal tidak menepati kehendak khas ukuran yang akan dijalankan, ukuran semula untuk meningkatkan tahap tikaian linear lot tersebut tidaklah perlu dijalankan.

Pelan Pra-Hitungan

Keperluan Perundangan

❑ Pindaan peruntukan mengenai pelan pra-pengiraan dimasukkan ke dalam Seksyen 137(1)(b) dan 204D(1)(c) Kanun Tanah Negara (Akta 828) yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1993. Semua permohonan pecah sempadan tanah dan permohonan penyerahan balik dan pemberimilikan semula, masing-masing di dalam Borang 9A dan Borang 12D Kanun Tanah Negara (Akta 828) perlu diiringi dengan pelan pra-pengiraan.

❑ Walaupun tidak diperuntukan dalam Kanun Tanah Negara (Akta 828), penyediaan dan pengemukaan pelan pra-hitungan sebagai pelan permohonan bagi urusan pecah bahagian tanah hendaklah turut dibuat.

Pelan Pra-Hitungan

Tujuan Penyediaan Pelan Pra-Hitungan

Pelan pra-hitungan perlu disediakan bagi memudah dan melancarkan lagi pelaksanaan kerja-kerja ukur yang berkaitan di mana sempadan-sempadan lot yang akan diukur dapat dikenalpasti dengan lebih tepat. Oleh itu masalah yang mungkin timbul apabila seorang Juruukur Tanah menjalankan pengukuran yang berdasarkan kepada pengukuran yang belum disempurnakan akan dapat dikurangkan. Ukuran tanah khususnya bagi permohonan pecah sempadan serta serahan dan berimilik semula tanah dalam pegangan hakmilik sementara dapat dijalankan dengan sempurna. Perbezaan kedudukan dan keluasan bidang tanah di antara yang diluluskan dan yang diukur dapat dielakkan.

Pelan Pra-Hitungan

Penyediaan Pelan Pra-Hitungan

❑ Bagi memenuhi tujuan yang disebutkan di atas serta keperluan perundangan semasa, semua permohonan untuk pecahan sempadan serta penyerahan dan pemberimilikan semula tanah hendaklah disertakan dengan pelan pra-hitungan sebagai pelan permohonan.

❑ Dengan pindaan itu semua permohonan pecah sempadan tanah serta penyerahan dan berimilik semula tanah yang dikemukakan kepada Pejabat Tanah untuk kelulusan perlu disertakan dengan pelan pra-hitungan yang menunjukkan butir-butir terperinci mengenai lot-lot tanah. Pelan pra-hitungan yang tersebut di atas, juga hendaklah digunakan bagi memohon nombor lot daripada JUPEM untuk maksud yang sama.

Pelan Pra-Hitungan

Pelan pra-hitungan yang disediakan itu sewajarnya mengandungi:

- a) Tajuk yang tepat bagi menjelaskan urusan yang terbabit.
- b) Pelan lokasi yang dilukis mengikut skala yang sesuai dengan menunjukkan maklumat tajuk, skala dan penunjuk utara serta maklumat yang boleh membantu mengenalpasti kedudukan lot seperti sempadan dan nombor lot atau lot-lot yang terlibat dengan urusan yang dicadangkan, abutal dan nombor-nombor lot berhampiran, jalan-jalan berserta namanya dan lain-lain.

Pelan Pra-Hitungan

- c) Pelan lot atau lot-lot asal yang terbabit dengan urusan yang dicadangkan yang dilukis pada ruangan grafik mengikut skala yang sesuai serta berasaskan kas ukuran yang akan dijalankan dengan menunjukkan:
 - i. Dimensi dan bearing serta luas lot atau lot-lot tersebut dan lot-lot yang dicadangkan.
 - ii. Lebar simpanan jalan/laluan, lebar simpanan sungai dan lain-lain simpanan.
 - iii. Penunjuk utara dan skala.
 - iv. Maklumat-maklumat lain yang perlu.

Pelan Pra-Hitungan

- v. Ruangan dan maklumat tertentu pada ruang teks iaitu:
- Panduan dan catitan peringatan.
 - Catitan nombor Peta Kadaster.
 - Catitan dan pengesahan Pihak Berkuasa Tempatan.
 - Pengesahan pelukis dan penyemak Pihak Berkuasa Perancang.
 - Pengesahan Pihak Berkuasa Perancang.
 - Catitan dan pengesahan Pejabat Pejabat Tanah dan Galian dan/atau Pejabat Tanah Daerah dan Pihak Berkuasa Negeri.
 - Pengesahan pemilik tanah.
 - Pengesahan penghitung, pelukis dan penyemak JUPEM/Juruukur Tanah Berlesen.
 - Pengesahan pihak JUPEM/Juruukur Tanah Berlesen.

Kelayakan Bagi Penyediaan Pelan Pra-Hitungan

Pelan pra-hitungan perlu disediakan oleh Juruukur Tanah Berlesen untuk menjamin bahawa pelan itu adalah tepat (accurate) seperti yang dikehendaki dalam takrif *pre-computation plan* dalam seksyen 5 Kanun Tanah Negara (Akta 828). Mungkin terdapat pihak lain yang boleh menyediakan pelan pra hitungan tetapi mereka tidak tertakluk kepada mana-mana undang-undang sebagaimana Juruukur Tanah Berlesen yang tertakluk kepada Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458) dan peraturan-peraturan dibawahnya. Tambahan pula, menurut Seksyen 13 Akta Juruukur Tanah Berlesen dan juga Seksyen 400A Kanun Tanah Negara (Akta 828) hanya Juruukur Tanah Berlesen dan Pegawai Ukur yang dilantik di bawah Kanun Tanah Negara (Akta 828) sahaja boleh menjalankan ukur hakmilik. Penyediaan pelan pra-hitungan ini adalah sebahagian dari ukur hakmilik berdasarkan kepada takrif *title survey* dalam seksyen 2 Akta Juruukur Tanah Berlesen.

Kelayakan Bagi Penyediaan Pelan Pra-Hitungan

Sejajar dengan kehendak supaya pemohonan pecah sempadan tanah, penyerahan balik dan pemberimilikan semula tanah di bawah Kanun Tanah Negara (Akta 828) menyertakan pelan pra-hitungan, maka kelulusan permohonan-permohonan itu juga perlulah diberi berpandukan kepada pelan tersebut. Antara tujuannya ialah untuk mengelakkan daripada timbulnya masalah di mana tanah-tanah di bawah hakmilik sementara yang bertindih.

Kelayakan Bagi Penyediaan Pelan Pra-Hitungan

Oleh itu Pentadbir Tanah hendaklah memastikan pelan pra-pengiraan yang mengiringi borang 9A dan borang 12D Kanun Tanah Negara (Akta 828) adalah pelan yang disediakan oleh Juruukur Tanah Berlesen dan kelulusan pecah sempadan tanah dan kelulusan penyerahan balik dan pemberimilikan semula tanah juga perlu diberi berpandukan kepada pelan pra-hitungan yang disediakan oleh Juruukur Tanah Berlesen.

Kelayakan Bagi Penyediaan Pelan Pra-Hitungan

□ Mengikut Seksyen 137 Kanun Tanah Negara (Akta 828), setiap permohonan pecah sempadan tanah diedar kepada Pejabat Tanah dan Galian untuk kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri mesti memenuhi beberapa syarat:

- i. Fi yang mencukupi.
- ii. Pelan Pra-hitungan yang menunjukkan bahagian-bahagian yang akan dipecah. Pecahan ini tidak bercanggah dengan mana-mana pelan perancangan dan disertai juga dengan surat persetujuan pihak-pihak yang terlibat.
- iii. Borang memecah sempadan tanah (Borang 9A).

□ Dengan adanya pelan pra-hitungan ini, perbezaan keluasan, bering, jarak dan kedudukan lot tidak akan timbul lagi dan pertanyaan mengenai perbezaan keluasan tidak lagi wujud.

Kelayakan Bagi Penyediaan Pelan Pra-Hitungan

Di dalam pelan pra-hitungan ini, terdapat beberapa ciri yang membendung ketidakseragaman dalam prosidur di setiap negeri. Contohnya, setiap pelan pra-hitungan bering, jarak ditunjuk, keluasan lot juga ditunjuk, rizab jalan, tanah lapang dan sebagainya dinyatakan. Setiap lot dikira seberapa kejituannya sehingga sekurang-kurangnya kepada kejituan ukur kelas mengikut ukuran hakmilik yang tertentu. Setiap lot yang dipecah ditunjukkan luasannya dengan jelas. Terdapat juga petunjuk utama dan ukuran skala yang digunapakai untuk pelan pra-hitungan tersebut dan pelan lokasi lot yang tersebut juga ditunjukkan.

Juruukur Tanah Berlesen boleh menggunakan perisian seperti CPSWinF2F, electronic field booking to finish (EFB2F), SurveyCAD, MyCAD etc. untuk melukis dan menjana PU ASCII.

Kelayakan Bagi Penyediaan Pelan Pra-Hitungan

- ❑ Mengikut kaedah lama iaitu dengan hanya menggunakan pelan susunatur sebelum pindaan pada tahun 1992, pelan pecah sempadan hanya terdapat nilai-nilai yang diskala dan keluasan ditunjukkan pada nilai yang dibulatkan. Tiada nilai bering dan jarak yang jitu. Ini telah menyebabkan perbezaan terutama kepada keluasan lot yang diukur dan mengakibatkan kedudukan lot dan rizab teranjak.
- ❑ Dengan penggunaan pelan pra-hitungan seperti yang etrmaktub dalam Seksyen 137 Kanun Tanah Negara (Akta 828) ini dan pindaan A832, tertanyaan tidak lagi berbeza-beza cara perlaksanaannya. Segalanya berpandukan kepada pelan pra-hitungan yang telah disediakan oleh Juruukur Tanah Berlesen terlebih dahulu.

Pendaftaran Fail Ukur Pelan Pra-Hitungan JTB


- i. Tindakan pendaftaran fail bermula apabila Pelan Pra-Hitungan diterima untuk permohonan nombor lot. Sistem pendaftaran ini berkemampuan untuk memaparkan data spatial pendaftaran dan pergerakan fail.
- ii. Penyediaan Pelan Pra-Hitungan hendaklah mengambilkira perkara berikut:
 - a) Bagi kawasan yang telah mempunyai NDCDB sepenuhnya Juruukur Tanah Berlesen hanya perlu menghantar fail-fail berikut:
 - *.pul – berkaitan dengan maklumat parcel seperti keluasan.
 - *.pub – berkaitan dengan maklumat garisan sempadan.
 - *.pud – berkaitan dengan maklumat sokongan seperti jenis guna

Pendaftaran Fail Ukur Pelan Pra-Hitungan JTB

- b) Bagi Pelan Pra-Hitungan yang disediakan tanpa menggunakan NDCDB, Pelan Pra-Hitungan hendaklah disediakan berdasarkan kepada koordinat GDM2000 beserta maklumat tanda-tanda Cadastral Reference Mark yang sesuai. Maklumat Pelan Pra-Hitungan hendaklah mengandungi fail Pelan Pra-Hitungan ASCII seperti berikut:
- *.pul – berkaitan dengan maklumat parcel seperti keluasan.
 - *.pub – berkaitan dengan maklumat garisan sempadan.
 - *.pud – berkaitan dengan maklumat sokongan seperti jenis guna tanah, nama dan alamat pemohon dll.
 - *.crm – berkaitan dengan maklumat fail dan lokasi
 - *.pot – berkaitan maklumat koordinat GNSS

Pendaftaran Fail Ukur Pelan Pra-Hitungan JTB

- iii. JTB boleh menghantar Pelan Pra-Hitungan secara dalam talian atau melalui kaunter-kaunter di JUPEM Negeri.
- iii. Pelan Pra-Hitungan dalam persekitaran Cassini Negeri hendaklah diproses semula supaya memenuhi ketepatan NDCDB. Kaedah penukarannya bolehlah dirujuk kepada Pekeliling KPUP Bil. 3/2009.
- iii. Untuk keperluan penukaran ini, Seksyen Geodesi Ibu Pejabat JUPEM ada menyediakan perkhidmatan penukaran terus dari koordinat Cassini negeri kepada koordinat GDM2000 dan membekalkan parameter-parameter yang diperlukan dalam proses penukaran.



NO.	BERJANG	JARAK
1	230°59'57"	76.545
2	254°58'47"	8.847
3	159°53'30"	10.718
4	219°12'20"	22.719
5	149°57'45"	19.892
6	10°58'20"	25.047
7	138°10'00"	3.621
8	228°45'22"	22.843
9	226°45'22"	1.128
10	242°71'17"	103.317
11	230°12'20"	18.518
12	317°40'00"	8.305
13	349°12'20"	116.405
14	65°48'20"	8.253

- NOTA**
- Lot 867 bersekap bagi (1) ke pengambil baki iaitu dua (2) ke pengambil Blok Landasan Muzium Selangor iaitu P16/SL/5/07/09/37SL/328) keluasan 0.429 hektar, dan P16/SL/5/07/09/75 SL/28 keluasan 2.1578 hektar serta pengaliran air.
 - Terdapat pemisahan kawasan Melaka dan Kuala Lumpur iaitu baki bersekap iaitu P16/SL/3/04/04/47 keluasan 0.03 hektar yang merentasi Lot 15232 (P16/SL/5/07) diiktiraf pada tarikh 27/04/2018.
 - Lot 15232 bersekap bagi (1) ke pengambil baki iaitu dua (2) ke pengambil Blok Landasan Muzium Selangor iaitu P16/SL/5/07/09/37SL/328), keluasan 0.2544 hektar, dan P16/SL/5/07/09/75 SL/28 keluasan 3.5217 hektar serta pengaliran air.
 - Sijil Kementerian Kesihatan Melaka iaitu Akta Kuala Lumpur - Iaitu baki bersekap iaitu P16/SL/3/04/04/47 keluasan 1.22 hektar yang merentasi Lot 15234 (P16/SL/5/07) diiktiraf pada tarikh 17/07/2017.

LEGENDA

- sempadan negeri
- tanah diampai untuk pejabat Landskap Kerajaan
- tanah diampai untuk projek pembangunan kawasan mesohadapan Jalan Kuala Lumpur - Ipoh
- baki tanah

PELAN PRA-HITUNGAN UNTUK PENGELUARAN BAKI
LOT-LOT 867, 868, 15232 & 15234
MUKIM AMPANG PECHAH
DAERAH HULU SELANGOR
SELANGOR DARUL EHSAN

PENGARAH JPBD NEKERI SELANGOR

PENYADAP TANAH DAERAH HULU SELANGOR



KEMENTERIAN PENGROKOTAN MALAYSIA



PENGARAH KEREJAPAN TANAH MELAYU BHD



CONTRACTOR

DILUKAS OLEH : LEE 04 OKTOBER 2020

DIREKTOR : LEE 04 OKTOBER 2020

JURUKUR BERSELEN

STUDIOIKUR
GEOMATICS SDN BHD
50-1, JALAN 50/100, 50000
SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
TEL: 06-75522221 FAKS: 06-75522222
E-MAIL: studioiukur@gmail.com
P: www.studioiukur.com




DITUKAS OLEH: NG BEE ENG, MAM MAMAL
Lisensi Land Surveyor

NO PELAN : SG/SEL/248/PRE/(M)/Y_1



SKALA 1:1500
SYIT PIAWAI 39-C, 48-A & 48-C

725



PENGARAH (PID NEGI) SELANGOR

PENTABER TANAH DAERAH ULU SELANGOR

CEMENTERAN PENGANGKUTAN MALAYSIA



PENGARAH KERETA TANAH MELAYU BHD



CONTRACTOR


DATE: 02/11/2023

DATE: 02/11/2023

AJURUKUR BERLESEN

STUDIOKUR GEOMATICS SDN, BHD.

NO. RAJAH: SG/SEL/248/PRE/(M)/Z



ini adalah petak yang di sukutukan
dengan cara pengukuran langsung 1:5000
PROJEKSI UTM - WGS 84
PENGARAH TITIK DAN GALIAN
5/9/12



SKALA 1 : 3500

Atas Mula Ajar & Qinet

Tajuk Projek :
**PELAN PRA-HITUNGAN LINTUK PERMOHONAN
PECAH SEMBADAAN TANAH DAN SERAH BALK
SEBAGIAN TANAH DI BAWAH SEKSYEN 137 & 200
KANUN TANAH NEGARA
DI ATAS LOT 115432
MUKIM DENGKIL, DAERAH SEPANG,
SELANGOR DARUL EHSAN**

Peta No. 1

SEBAGIAN TANAH	LUK	WILAYAH PERSEKUTUAN
PERSEKUTUAN		
LOT 1	1	115432
LOT 2	1	115432
LOT 3	1	115432
JALAN KIL	3	284.75
PERSEKUTUAN		
SEBAGIAN TANAH		
JALAN KIL	-	1500
JALAN PERSEKUTUAN	-	4160
JALAN PERSEKUTUAN	2	280.20

Pihak Tanah
PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
TRUKAT 30, WISMA NESEA,
PERSARAIAN PERSEKUTUAN,
SHAH ALAM, 40000 SELANGOR

Pengarah "OFFICE OF ATTORNEY"
PENGALAMAN NEGARA SELANGOR (SEKSYEN 137&200) TANAH NEGARA
1500 WISMA NESEA TRUKAT 30, WISMA NESEA, PERSARAIAN PERSEKUTUAN,
SHAH ALAM, 40000 SELANGOR
Malam: 7000
Kuala Lumpur: 640100
Tular: 25 November 2017
Pihak Tanah: 115432-11-5133
No. K/P: 640226-08-5103
PENGALAMAN

EDSIE MEGAH SDN BHD
NO. 202, JALAN 1/16,
OFF. JALAN KILAH 69/22, JALAN POK,
31200 KUALA PERSIKUTUAN
KUALA LUMPUR

Pihak Tanah Berlainan :

NO. 288, ENO, WISMA ANAK
JALAN DAMAI, 50450 KUALA LUMPUR

**STUDIOUKUR
GEOMATICS SDN. BHD.**
(115432-11-5133)

NO. 1, ALAM NESEA 4000
KUALA SELANGOR, SELANGOR
17000 KUALA SELANGOR
TEL: 03-89200000 Fax: 03-89200000
E-mail: studioukur@gmail.com

Pengarah Mula Persekutuan Sepang (MPPSP)

KLASIKAL KEPADA PERMOHONAN
PECAH SEMBADAAN PERAGAN BERSEKUTUAN /
PENTUTUAN TANAH BERSEKUTUAN TANAH

ini adalah Petak yang Disukutkan seperti berikut:
BL: MP. Sepang 600 = 1/5 1/4 / S. 288
Batasnya: 7/3 1/4

(ROSETA BINTI MID YUSOFF)
Pengarah Pautangan Wilayah
S.D. Yang Berhormat
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Dibuatkan Oleh : STUDIOUKUR
Pengarah : G.P. SINGH
Tular : MARCH 2017
P/P: 117-A, 117-B
NO. PEKAN : SG/SEL/297/PR/P2

Proses Semakan Kualiti

Pelarasan Data Cerapan Kaedah Trabas (16 ASCII)

Proses pelarasan data cerapan hanya dibenarkan kepada pengguna yang berdaftar dengan JUPEM, menggunakan Sistem Pemprosesan Berpusat yang telah ditetapkan secara atas talian.

Fail berdigit mandatori yang diperlukan oleh sistem bagi tujuan pelarasan data cerapan adalah seperti berikut:

- *field book (*.fbk)*
- *coordinates information (*.coo)*
- *traverses (*.tps)*
- *solar observation (*.sob) (Jika ada)*

Proses Semakan Kualiti

Walau bagaimanapun, fail-fail berdigit yang lain hendaklah dimajukan bersekali bagi tujuan *data lodgement* meskipun terdapat fail yang tiada kandungan data (NULL) iaitu:

- *corrections (*.cor)*
- *bearing close statement (*.bcs)*
- *area comparison (*.acs)*
- *deduced field data (*.ncp)*
- *fahrasat (*.fah)*
- *EDM test (*.edm)*

- *topography (*.tpo)*
- *job details (*.job)*
- *lot details (*.lot)*
- *bearing, distance & coordinates (*.bdy)*
- *old value (*.po)*
- *base line (*.bln)*

Proses Semakan Kualiti

Pelarasan Data Cerapan Kaedah GNSS Sepenuhnya

Fail berdigit mandatori yang diperlukan oleh sistem bagi tujuan pelarasan data cerapan adalah seperti berikut:

- *Cadastral Reference Mark (*.crm)*
- *CRM Point (*.pot)*
- *checkroll (*.crd)*
- *dairy (*.dry)*
- *fahrasat (*.fah)*
- *traverses (*.tps)*

Proses Semakan Kualiti

Walau bagaimanapun, fail-fail berdigit yang lain hendaklah dimajukan bersekali bagi tujuan *data lodgement* meskipun terdapat fail yang tiada kandungan data (NULL) iaitu:

- *field book (*.fbk)*
- *coordinates information (*.coo)*
- *solar observation (*.sob)* (Jika ada)
- *corrections (*.cor)*
- *bearing close statement (*.bcs)*
- *area comparison (*.acs)*
- *deduced field data (*.ncp)*

- *EDM test (*.edm)*
- *topography (*.tpo)*
- *job details (*.job)*
- *lot details (*.lot)*
- *bearing, distance & coordinates (*.bdy)*
- *old value (*.po)*
- *base line (*.bln)*

Proses Semakan Kualiti

Pelarasan Data Cerapan Gabungan Kaedah GNSS dan Terabas

Fail berdigit mandatori yang diperlukan oleh sistem bagi tujuan pelarasan data cerapan adalah seperti berikut:

- *Cadastral Reference Mark (*.crm)*
- *CRM Point (*.pot)*
- *checkroll (*.crd)*
- *dairy (*.dry)*
- *fahrasat (*.fah)*
- *field book (*.fbk)*
- *coordinates information (*.coo)*
- *traverses (*.tps)*
- *solar observation (*.sob) (Jika ada)*

Proses Semakan Kualiti

Walau bagaimanapun, fail-fail berdigit yang lain hendaklah dimajukan bersekali bagi tujuan *data lodgement* meskipun terdapat fail yang tiada kandungan data (NULL) iaitu:

- *corrections (*.cor)*
- *bearing close statement (*.bcs)*
- *area comparison (*.acs)*
- *deduced field data (*.ncp)*
- *fahrasat (*.fah)*
- *EDM test (*.edm)*

- *topography (*.tpo)*
- *job details (*.job)*
- *lot details (*.lot)*
- *bearing, distance & coordinates (*.bdy)*
- *old value (*.po)*
- *base line (*.bln)*

Detail 16 ASCII

- Field Book (*.fbk)-DFT, pembetulan 'm' dan 'c'
- Coordinates Information (*.coo)-maklumat koordinat stesen
- Traverses (*.tps)-maklumat tutupan terabas
- Solar Observation (*.sob)-cerapan matahari
- Corrections (*.cor)-pembetulan stesen
- Bearing Close Statement (*.bcs -tutupan bering dicerap
- Area Comparison (*.acs)-perbezaan keluasan tidak melebihi 5%
- Deduced Field Data (*.ncp)-maklumat terlaras
- Fahrasat (*.fah)-nama pengukur, kawasan, nombor lot, tarikh mula & tamat
- EDM Test (*.edm)-tidak melebihi 0.010m, muat turun dari SPAKLS
- Topography (*.tpo)-sekiranya ada topografi
- Job Details (*.job)-maklumat fail, tarikh ukur dan ASCII
- Lot Details (*.lot)-maklumat lot
- Bearing, Distance & Coordinates (*.bdy)-maklumat terabas
- Old Value (*.po)-nilai sempadan asal
- Base Line (*.bln)-garisan asas

Pelan Akui (PA)

Pelan Akui merupakan produk akhir ukuran kadaster yang menggambarkan kedudukan sebenar persempadanan di atas tanah (secara relatif) mengikut format, media dan skala yang ditetapkan oleh Jabatan bagi tujuan penyediaan hakmilik kekal atau kegunaan lain. Pelan Akui akan dijana oleh JUPEM bagi kerja yang dilakukan oleh Jabatan atau Juruukur Tanah Berlesen.

Penyediaan Pelan Akui

- i. Pelan Akui hendaklah disediakan bagi setiap ukuran hakmilik tanah, ukuran strata dan ukuran stratum. Walau bagaimanapun, Pelan Akui tidak perlu disediakan bagi ukuran semula atau ukuran pengesahan kecuali:
 - a) ukuran melibatkan tanam pastian atau penggantian tanda sempadan;
 - b) ukuran yang dijalankan melibatkan naik taraf. Dalam hal ini, ukuran semula yang dibuat mengikut peruntukan Pekeliling ini ke atas lot lama yang dahulu diukur dengan menggunakan kaedah- kaedah kelas kedua dan ke bawah adalah dianggap sebagai ukuran naik taraf;
 - c) ruang atas Pelan Akui asal tidak mencukupi bagi memasukkan maklumat-maklumat seperti diperuntukkan di bawah Peraturan 44, PUK 2009; dan
 - d) ukuran melibatkan lot yang asalnya disempadani oleh sempadan semulajadi mengikut Peraturan 28(4), PUK 2009.

Penyediaan Pelan Akui

- ii. Pelan Akui hendaklah disediakan berdasarkan nilai-nilai koordinat yang dijana daripada NDCDB.
- iii. Pelan Akui hendaklah dilukis daripada rekod ukur yang sedia ada dalam kes di mana Pelan Akui tidak dapat dikesan atau sebab keadaan fizikalnya tidak boleh digunakan lagi seperti mana Peraturan 42(5), PUK 2009.
- iv. Bagi mana-mana ukuran yang dijalankan secara berperingkat, Pelan Akui hendaklah disediakan mengikut Peraturan 42(6), PUK 2009 serta tatacara-tatacara lain yang telah ditetapkan oleh Jabatan.

Penyediaan Pelan Akui

- v. Penomboran Pelan Akui hendaklah diuruskan mengikut kaedah yang ditetapkan dalam Peraturan 60, PUK 2009.
- vi. Bagi Pelan Akui yang merupakan susunan daripada NDCDB, Jabatan akan menggunakan pelan pra-hitungan berdigit atau Permohonan Ukur berdigit yang diterima untuk menjana Pelan Akui tersebut.
- vii. Pelan Akui yang disediakan hendaklah menggunakan sama ada saiz A2 atau A3.
- viii. Semua maklumat ofset hendaklah ditunjukkan dalam Pelan Akui sekiranya berkaitan dan dijana daripada lapisan GLMS.

Maklumat Yang Perlu Ditunjukkan Dalam Pelan Akui

- i. Semua maklumat yang perlu ditunjukkan pada ruang grafik Pelan Akui hendaklah dijana hasil daripada NDCDB seperti berikut:
 - a) tanda-tanda sempadan; dan bagi tanda sempadan yang bernombor, nombornya hendaklah ditunjukkan dalam bulatan berdekatan tanda sempadan berkaitan, sementara itu penggunaan istilah dan simbol hendaklah mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan.
 - b) nombor lot;
 - c) keluasan lot sebagaimana yang ditetapkan oleh Peraturan 38(3), PUK 2009;
 - d) abuttal serta nombor lot dan nombor Pelan Akui lot-lot bersebelahan;

Maklumat Yang Perlu Ditunjukkan Dalam Pelan Akui

- e) sempadan pentadbiran, jika ada;
- f) ofset berkaitan jalan, bangunan dan hidro jika berkaitan daripada lapisan GLMS;
- g) nilai-nilai koordinat bagi dua tanda penjuru ekstrim lot kepada 0.001 meter terhampir;
- h) nilai bearing dan jarak hendaklah dijana dalam bentuk tabulasi serta ditunjukkan kepada 10" bagi bearing dan 0.001 meter terhampir bagi jarak; dan
- i) bagi maklumat-maklumat yang tidak dapat ditunjukkan akibat ruang tidak mencukupi, penggunaan rajah pembesaran atau gambarajah tanpa skala adalah dibenarkan.

Maklumat Yang Perlu Ditunjukkan Dalam Pelan Akui

- ii. Ruangan teks bagi setiap Pelan Akui hendaklah menunjukkan:
 - a) Penunjuk utara;
 - b) Tajuk maklumat, seperti berikut:
 - nama negeri;
 - nama daerah atau jajahan;
 - nama mukim atau bandar atau pekan;
 - nombor seksyen (di mana berkaitan);
 - nombor lot;
 - skala;
 - nombor PA terdahulu, dalam kes ukuran semula;
 - nombor lot asal dan nombor Pelan Akui, dalam kes pecah sempadan atau bahagian atau lain-lain;
 - sejarah lot yang sedang diukur dan nota berkaitan, jika ada.

Maklumat Yang Perlu Ditunjukkan Dalam Pelan Akui

- c) Nombor fail ukur;
- d) Nombor fail Pejabat Tanah;
- e) Nombor Peta Kadaster;
- f) “Diluluskan” dan nama Pengarah Ukur Dan Pemetaan Negeri;
- g) Nombor PA; dan
- h) 2D Barcode/ QR code.

Sijil Di Atas Pelan Akui JTB

Bagi PA yang dijana untuk kerja JTB, sijil yang perlu ditunjukkan di atas PA tersebut adalah seperti berikut:

“Saya seorang
Juruukur Tanah yang dilesenkan di bawah Akta Juruukur
Tanah Berlesen 1958 (Akta 458), memperakui bahawa
pengukuran telah dijalankan dan ditanda di atas tanah oleh saya
atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan
pada haribulan, 20 semata-
mata mengikut Peraturan–peraturan Juruukur Tanah Berlesen.
Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah
betulnya ukuran ini.

.....
Juruukur Tanah Yang Dilesenkan di bawah Akta 458”


Sijil Di Atas Pelan Akui JTB

Bagi PA yang dijana untuk kerja JTB (kerja yang dijalankan oleh orang beratikel), sijil yang perlu ditunjukkan di atas PA tersebut adalah seperti berikut: (Cadangan Dr Tan)

“Saya Sr LEOW KAM CHOY seorang Juruukur Tanah yang dilesenkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458), memperakui bahawa pengukuran telah dijalankan dan ditanda di atas tanah oleh atau di bawah arahan dan penyeliaan Sr Dr. TAN LIAT CHOON sendiri secara langsung di lapangan pada haribulan, 20 semata-mata mengikut Peraturan–peraturan Juruukur Tanah Berlesen.

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah betulnya ukuran ini.

.....
Juruukur Tanah Yang Dilesenkan di bawah Akta 458”



41 B I
41 B III

Asas Koordinat GDM2000 Cassini-Soldner

NEGERI JOHOR
DAERAH BATU PAHAT
MUKIM TANJONG SEMBRONG
LOT 31647 - 31651
SKALA 1 : 1500
PETA KADASTER 41 B I & 41 B III
PA214898


Saya, ERNEST KHOO HOCK COON seorang Jurukur Tanah yang dibenarkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Suda 459), yang dipertahankan bahawa pengukuran dan/atau plan ini telah dibuat/dilakukan, telah dijalankan dan dibenarkan di atas tanah oleh saya atau dibenarkan oleh saya sendiri mengikut peraturan dan/atau syarat-syarat yang ditetapkan oleh Peraturan-peraturan Jurukur Tanah Berlesen, dan bahawa sebarang plan ini adalah tepat menurut pengukuran yang telah dijalankan pada 09 hari/bulan JUN 2014.


Selama saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah ketidaktepatan ukuran ini.

Bertarikh 31 hari/bulan MAC 2014.



Jurukur Tanah Yang Dibezan Di Bawah Akta 458

FAIL UKUR PUBLJ20_2014
FAIL PEJ. TANAH PTBP01/14/03/0100/0004/2011
DILULUSKAN OLEH


WAN ZAIRUDDIN BIN WAN YUSOFF
Pengarah Ukur dan Pemetaan Johor
Tarikh: 01/04/2014

62

Pindaan Pelan Ukur

